

PEMAHAMAN

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

Sudut Bahasa

- Kata hubung ialah perkataan yang digunakan untuk menghubungkan perkataan, frasa, klausa, dan ayat.
- Terdiri daripada kata hubung gabungan dan kata hubung pancangan.

BAHAGIAN A Sistem Bahasa dan Pemahaman

4SP 2.1.2; 5.1.2, 5.1.3; 5.1.4; 5.2.1; 5.6.1

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Juan Yong suka berkawan dengan Hisyam _____ dia mempunyai akhlak yang baik.
A tetapi C semasa
B supaya D kerana



Murid-murid itu _____ bendera mini sambil menyanyikan lagu Jalur Gemilang dengan penuh semangat.

- A melebarkan C mengibarkan
B menebarkan D menggambarkan

3. Masyarakat mematuhi larangan _____ negeri oleh pihak berkuasa sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan semasa pandemik COVID-19.
A melawat C membuka
B merentas D menyeberang

4.



Walaupun Adam Orang Kurang Upaya, dia _____ menawan puncak Gunung Kinabalu.

- A gembira C gigih
B sabar D prihatin

Soalan 5 – 6

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

5. Kita hendaklah memastikan apabila _____ masyarakat di negara ini _____ semangat perpaduan demi keharmonian negara. _____
A
B
C
D

6. Maklumat tentang pejuang tanah air itu
A
ditampal oleh Aziz pada papan kenyataan
B C
di dalam kelas. Tiada kesalahan.
D

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I Kita hendaklah menggunakan *akal* untuk bertindak.
II Mereka mencari *akal* untuk memerangkap penjenayah itu.
III Arman tetap *akal* walaupun hidup dalam serba kekurangan.
IV Ramli jatuh tersembam apabila kakinya tersadung *akal* pokok.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
8. I Nama pejuang tanah air yang terkorban itu tetap *hidup* dalam hati.
II Syarikat itu masih *hidup* walaupun pernah mengalami krisis kewangan.
III Pemimpin negara itu masih *hidup* hingga kini.
IV Kawasan ini *hidup* kerana ditanami pohon-pohon yang rendang.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

9. Tugu Peringatan Negara dibina demi untuk memperingati jasa para pejuang yang terkorban.
A demi untuk ingatkan jasa
B untuk mengingatkan jasa

- C untuk memperingati jasa
D demi untuk memperingati jasa

10. Nadia gembira bila namanya disebut sebagai pemenang pertandingan itu.

- A gembira bila namanya menyebut
B gembira apabila namanya disebut
C gembira apabila namanya sebutan
D gembira bila namanya disebut

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

11. I Azril berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu di Sabah.
II Usahawan yang berjaya itu merupakan Orang Kurang Upaya.
III Encik Ali memiliki dua biji restoran.
IV Mohamed bin Hamzah adalah pencipta Jalur Gemilang.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
12. I Setiap murid-murid haruslah memiliki akhlak yang terpuji.
II Kita mesti bersikap amanah pada semua orang.
III Syamil akan menyampaikan sebuah puisi tentang rasuah.
IV Ketua pengawas menegur murid yang lewat itu secara berhemah.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

13. Peribahasa yang berikut membawa maksud apabila mendapat sesuatu yang lebih baik, yang kurang baik terus dilupakan, **kecuali**
A habis manis sepah dibuang.
B sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi.
C bukit sama didaki, lurah sama dituruni.
D sudah dapat gubah dikarang, bunga sekaki dicampak buang.

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 14 – 17 berdasarkan bahan di bawah.

"Kenapa Syam serahkan jawatan pengurus tu pada kakak?"

"Kakak dah berhenti dengan bank tu."

"Habis kamu?"

"Saya nak bawa teksi. Itu yang menyara hidup saya selama ini. Lagipun..."

"Lagipun apa?"

"Saya dah sebatu dengan teksi kak. Sehari tak memandu rasa rimas saja."

"Habis, syarikat ini kamu serahkan bulat-bulat pada kakak?"

"Ya, kak. Kakak ada pengalaman tentang menjaga wang."

"Kalau kakak salah guna wang?"

"Saya percayakan kakak macam saya percayakan mak."

"Takkan kamu tak nak ambil tahu langsung tentang syarikat ni nanti?"

"Kakak boleh beritahu saya apa-apa yang kakak nak bincangkan. Tapi saya tetap setuju saja apa-apa keputusan kakak."

"Begitu hatimu, Syam?"

"Saya adik kakak. Pelajaran saya tak tinggi. Itu salah saya dulu. Mujurlah saya ada kakak. Boleh saya tumpang senang dengan harta yang ayah tinggalkan walaupun hanya sekeping tanah."

"Kalau dah kamu kata begitu, kakak ambil tanggungjawab menjaga syarikat kita. Tapi kamu jangan lepas tangan begitu saja."

"Baik, kak."

"Kalau ada apa-apa dalam hati kamu, beritahu kakak,"

"Saya selamanya berterus-terang dengan kakak."

Dipetik daripada cerpen 'Sekeping Tanah',
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

14. Mengapakah Hisyam menyerahkan jawatan pengurus syarikat kepada kakaknya?

- A Kakaknya mahukan jawatan pengurus.
- B Kakaknya sudah berhenti kerja dengan bank.
- C Hisyam tidak layak menguruskan syarikat itu.
- D Hisyam mahu meneruskan kerjayanya sebagai pemandu teksi.

15. Yang berikut merupakan persoalan yang terdapat dalam petikan di atas, **kecuali**

- A kegigihan dalam mencari rezeki.
- B kepentingan pelajaran dalam kehidupan.
- C kerjasama dalam mengusahakan syarikat.
- D kasih sayang seorang anak terhadap ibunya.

Hisyam tekun mencari rezeki dengan memandu teksi.

16. Peribahasa yang paling sesuai untuk menggambarkan situasi di atas ialah

- A bagai lebah menghimpun madu.
- B bagai kambing menanduk bukit.
- C gajah mati tulang setimbun.
- D beri betis hendakkan paha.

17. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan cerpen di atas?

- A Kakak ialah pengurus bank.
- B Hisyam dan kakaknya berpelajaran tinggi.
- C Hisyam tidak percaya akan kakaknya.
- D Kakak Hisyam mempunyai pengalaman dalam bidang kewangan.